

17/02/2003

Sikap Dr M seiring realiti semasa

PEMIKIRAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap isu global timbul daripada kesungguhannya untuk melakukan sesuatu yang lebih adil dan saksama dalam konteks hubungan antarabangsa.

Ketua Pegawai Eksekutif Inmind, Datuk Dr Zambry Abdul Kadir, berkata sikap Dr Mahathir bersesuaian dengan realiti semasa bahawa Malaysia tidak mungkin memisahkan dirinya daripada arus globalisasi.

"Globalisasi menuntut rakyat bersama-sama menjadi pemain global yang cekap, pintar, berani dan bermaruah.

"Ciri-ciri inilah yang dijemakan Dr Mahathir hasil tanggapan dan pemikirannya terhadap globalisasi," katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Pemikiran Dr Mahathir Terhadap Isu-isu Global. Teks kertas kerja beliau disampaikan oleh Pengurus Besar Inmind, Mohamad Khairudin Mohamad.

Dr Zambry berkata, Perdana Menteri turut menekankan bahawa globalisasi harus ditangani sebaik-baiknya supaya dapat membawa kemakmuran kepada semua.

Katanya, bagi rakyat Malaysia dan umat Islam, Dr Mahathir menyarankan supaya globalisasi dianggap sebagai cabaran untuk membangun dan menuju masa depan yang lebih gemilang dengan tradisi keilmuan dan kemampuan menggarap sains serta teknologi.

"Dengan itu, globalisasi tidak akan menjadi ancaman, sebaliknya digarap sebaik-baiknya supaya kemiskinan, kemunduran, kelemahan dan sikap tertutup dapat diatasi," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir mengambil pendekatan agresif dan berani dengan mengubah paradigma dan struktur ekonomi, sosial dan pendidikan supaya selari dengan realiti baru globalisasi.

Dr Zambry berkata, dasar teknologi maklumat (IT) yang diterapkan dan hala tuju untuk membangunkan K-ekonomi adalah gambaran kesungguhan membina umat yang global sifatnya.

"Model ini tidak pula menafikan sama sekali kepentingan jati diri bangsa yang dibina oleh agama, bahasa dan budaya," katanya.

Beliau berkata, sebagai bangsa yang baru merasakan kemerdekaan jiwa, Dr Mahathir tidak terlepas daripada menyentuh kelangsungan bangsa Melayu di era globalisasi.

"Bangsa Melayu bagi Dr Mahathir adalah sangat istimewa kerana adunan keIslaman, bahasa dan budaya yang membina jati diri.

"Sikap prihatin terhadap nasib bangsa dan masa depan turut dihubungkannya dengan proses globalisasi yang kini dianggap ideologi baru yang tidak dapat diketepikan," katanya.